



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN  
BAHAGIAN II -  
PENGIRAAN JUMLAH PENDAPATAN DAN  
PENDAPATAN YANG BOLEH DIKENAKAN  
CUKAI**

**KETETAPAN UMUM NO. 5/2022**

**TARIKH PENERBITAN: 09 DISEMBER 2022**



**PENCUKAIAN INDIVIDU  
BERMASTAUTIN  
BAHAGIAN II - PENGIRAAN JUMLAH  
PENDAPATAN DAN PENDAPATAN  
YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2022  
Tarikh Penerbitan: 09 Disember 2022**

---

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi ketiga

© 2022 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

| <b>KANDUNGAN</b>                                                         | <b>Muka surat</b> |
|--------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1. Objektif                                                              | 1                 |
| 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan                                    | 1                 |
| 3. Tafsiran                                                              | 1                 |
| 4. Penentuan Jumlah Pendapatan dan Pendapatan yang Boleh Dikenakan Cukai | 1                 |
| 5. Penentuan Tempoh Asas                                                 | 2                 |
| 6. Taraf Mastautin                                                       | 2                 |
| 7. Pengiraan Pendapatan Kasar                                            | 3                 |
| 8. Pengiraan Pendapatan/ Kerugian Larasan                                | 5                 |
| 9. Pengiraan Pendapatan Berkanun                                         | 14                |
| 10. Pengiraan Pendapatan Agregat                                         | 20                |
| 11. Pengiraan Jumlah Pendapatan                                          | 24                |
| 12. Pencukaian Suami dan Isteri                                          | 27                |
| 13. Pengiraan Pendapatan yang Boleh Dikenakan Cukai                      | 31                |
| 14. Kemaskini dan Pindaan                                                | 43                |
| 15. Penafian                                                             | 44                |



**PENCUKAIAN INDIVIDU  
BERMASTAUTIN  
BAHAGIAN II - PENGIRAAN JUMLAH  
PENDAPATAN DAN PENDAPATAN  
YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2022  
Tarikh Penerbitan: 09 Disember 2022**

**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## 1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan pengiraan jumlah pendapatan dan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi seorang individu pemastautin yang memperoleh pendapatan daripada perniagaan, penggajian dan punca-punca lain.

## 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 5, 13, 21, 24, 34A, 34B, 38, 38A, 39, 40, 42 hingga 50 dan 150.


## 3. Tafsiran


Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Individu” bermaksud orang biasa.
- 3.2 “Jumlah pendapatan” untuk suatu tahun taksiran (TT) adalah pendapatan agregat ditolak kerugian larasan perniagaan atau agregat kerugian larasan perniagaan tahun asas, perbelanjaan di bawah Jadual 4, 4B dan hadiah wang tunai dan sumbangan berbentuk barangan, manuskrip, artifak atau lukisan di bawah seksyen 44 ACP.
- 3.3 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, suatu puncanya dan suatu tahun taksiran, bermaksud tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 21 ACP.
- 3.4 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.

## 4. Penentuan Jumlah Pendapatan dan Pendapatan yang Boleh Dikenakan Cukai

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi seseorang individu pemastautin bagi suatu TT adalah ditentukan mengikut seksyen 5 ACP seperti yang ditunjukkan di bawah.





## 5. Penentuan Tempoh Asas

Seksyen 21 ACP memperuntukkan bahawa tahun kalendar ialah tempoh asas bagi suatu TT berhubung dengan suatu punca pendapatan seseorang selain daripada syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi. Ini bermakna, bagi mana-mana individu, tempoh asas bagi suatu TT bagi setiap punca pendapatan adalah tahun berakhir 31 Disember.

## 6. Taraf Mastautin

Pada amnya, penentuan taraf mastautin bagi seseorang individu bagi tahun asas bagi suatu tahun taksiran adalah merujuk kepada kehadiran fizikal individu itu di Malaysia dan bukan berdasarkan kepada kerakyatan atau kewarganegaraannya.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada KU No. 11/2017 bertajuk “Taraf Mastautin Individu” yang boleh didapati daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

## **7. Pengiraan Pendapatan Kasar**

Pendapatan kasar daripada setiap punca pendapatan bagi suatu tempoh asas bagi suatu TT perlu ditentukan secara berasingan mengikut seksyen 22 hingga 32 ACP.

### **7.1 Pendapatan kasar daripada punca perniagaan**

Komponen pendapatan kasar daripada suatu punca perniagaan termasuk:

- a) Tunai bagi barang dagangan yang dijual atau perkhidmatan yang telah diberikan atau yang akan diberikan dalam menjalankan perniagaan;
- b) Hutang yang berbangkit daripada barang dagangan yang dijual atau perkhidmatan yang telah diberi atau perkhidmatan yang akan diberikan atau daripada mana-mana harta yang diguna atau dinikmati yang telah diurusniagakan atau yang akan diurusniagakan dalam menjalankan perniagaan;
- c) Bayaran pendahuluan yang diterima dalam menjalankan perniagaan atas perkhidmatan yang akan diberikan atau harta yang diguna yang akan diurusniagakan;
- d) Stok dagangan yang dikeluarkan disebabkan pengambilan;
- e) Hutang yang dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan laran perniagaan diperolehi kembali setelah dihapuskan;
- f) Hutang yang dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan laran perniagaan untuk suatu tempoh asas bagi TT terdahulu dan kemudian hutang tersebut (kesemua atau sebahagian daripada hutang) dibebaskan daripada membayar; dan
- g) Pemulihan wang yang diterima berhubung dengan kerugian perniagaan yang diterima melalui –
  - insurans;
  - perjanjian bayaran oleh pekerja yang berkenaan;
  - tindakan undang-undang yang diambil; atau
  - tindakan lain untuk mendapatkan kembali kehilangan tersebut

di mana kerugian tersebut dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan laran.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada KU No. 4/2012 bertajuk “Potongan Bagi Kerugian Wang Tunai Dan Layanan Ke Atas Pemulihannya” yang boleh didapati daripada portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

## 7.2 Pendapatan kasar daripada penggajian

Komponen pendapatan kasar bagi punca penggajian adalah seperti berikut:

### a) **Perenggan 13(1)(a) ACP**

Upah, gaji, saraan, gaji cuti, fi, komisen, bonus, ganjaran, perkuisit atau elaun (dalam bentuk tunai atau barangan) berkaitan dengan penggajian atau menjalankan penggajian.

### b) **Perenggan 13(1)(b) ACP**

Nilai manfaat berupa barangan (yang tidak boleh ditukar kepada wang) yang disediakan oleh majikan kepada pekerja.

Walau bagaimanapun, penerimaan berikut tidak termasuk dalam komponen pendapatan kasar daripada penggajian:

- Kemudahan rawatan perubatan/ pergigian;
- Kemudahan penjagaan kanak-kanak;
- Tambang percutian:
  - dalam Malaysia yang tidak melebihi 3 kali dalam satu tahun kalendar; atau
  - dari Malaysia ke mana-mana tempat di luar Malaysia yang tidak melebihi sekali dalam satu tahun kalendar, terhad kepada RM3,000.
- Kemudahan yang digunakan oleh pekerja semata-mata dalam melaksanakan tugasnya.

### c) **Perenggan 13(1)(c) ACP**

Nilai manfaat tempat kediaman di Malaysia yang diperuntukkan kepada pekerja oleh atau bagi pihak majikan secara percuma atau sebaliknya.

d) **Perenggan 13(1)(d) ACP**

Amaun yang diterima oleh pekerja, sama ada sebelum atau selepas penggajiannya tamat, daripada kumpulan wang pencen atau simpanan, skim atau pertubuhan yang tidak diluluskan.

e) **Perenggan 13(1)(e) ACP**

Amaun yang diterima oleh pekerja, sama ada sebelum atau selepas penggajiannya tamat, dalam bentuk pampasan kerana kehilangan pekerjaan.

Jumlah pendapatan kasar penggajian di bawah subseksyen 13(1) ACP adalah termasuk apa-apa amaun cukai output di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (ACBP) yang ditanggung oleh majikan berkenaan dengan perkuisit, manfaat berupa barangan atau manfaat tempat kediaman yang diberi atau disediakan kepada pekerja.

7.3 **Pendapatan kasar daripada punca lain**

Bagi punca pendapatan lain seperti dividen, faedah, sewa, royalti, pencen, anuiti dan lain-lain pendapatan, pendapatan kasar daripada setiap punca tersebut adalah amaun yang terdiri daripada mana-mana jumlah yang diterima atau dianggap sebagai boleh diterima bagi tempoh asas tersebut berhubung dengan punca itu.

8. **Pengiraan Pendapatan/ Kerugian Larasan**

8.1 Subseksyen 33(1) ACP memperuntukkan bahawa pendapatan larasan seseorang individu daripada suatu punca pendapatan bagi suatu tempoh asas bagi suatu TT adalah pendapatan kasar daripada punca tersebut ditolak semua perbelanjaan yang kesemua dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar bagi punca itu sepertimana yang ditetapkan oleh peruntukan am dan spesifik di bawah ACP.

8.2 Seksyen 40 ACP memperuntukkan bagi punca pendapatan perniagaan, kerugian larasan akan timbul apabila perbelanjaan yang boleh dibenarkan adalah melebihi pendapatan kasar daripada perniagaan tersebut. Kerugian larasan daripada punca perniagaan boleh ditolak daripada pendapatan agregat semua punca pendapatan lain dalam tahun semasa. Bagi punca pendapatan lain, sekiranya perbelanjaan melebihi pendapatan kasar, kerugian itu tidak boleh ditolak daripada mana-mana punca pendapatan lain dan tidak boleh dibawa ke hadapan. Kerugian tersebut akan diabaikan.

### 8.3 Pengiraan pendapatan/ kerugian larasan bagi punca perniagaan

8.3.1 Pengiraan pendapatan/ kerugian larasan bagi punca perniagaan adalah seperti berikut:

|                                                                                                                                                                         | RM        | RM        |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|-----------|
| Pendapatan kasar perniagaan                                                                                                                                             |           | XX        |
| Tolak:                                                                                                                                                                  |           |           |
| Peruntukan am (subseksyen 33(1) ACP)                                                                                                                                    |           |           |
| • Perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan kasar perniagaan                                                                    | XX        |           |
| Peruntukan khas (seksyen 34, 34A dan 34B ACP)                                                                                                                           |           |           |
| • Perbelanjaan khas yang boleh dibenarkan (seksyen 34 ACP)                                                                                                              | XX        |           |
| • Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan yang diluluskan (seksyen 34A ACP)                                                                                           | XX        |           |
| • Sumbangan kepada institusi penyelidikan yang diluluskan atau bayaran bagi menggunakan perkhidmatan institusi/ syarikat penyelidikan yang diluluskan (seksyen 34B ACP) | <u>XX</u> | <u>XX</u> |
| Pendapatan/ kerugian larasan perniagaan                                                                                                                                 |           | <u>XX</u> |

#### 8.3.2 Peruntukan Am Subseksyen 33(1) ACP

Perbelanjaan yang boleh dibenarkan di bawah peruntukan am subseksyen 33(1) ACP bagi punca perniagaan adalah termasuk:

- a) Upah dan gaji pekerja
- b) Faedah yang dibayar ke atas pinjaman/ overdraf yang diambil dan digunakan semata-mata:
  - i. untuk tujuan perniagaan; atau
  - ii. untuk pembelian aset yang dipegang atau digunakan dalam perniagaan

- c) Sewa yang kena dibayar ke atas mana-mana tanah atau bangunan atau sebahagian daripadanya yang digunakan bagi tujuan perniagaan.
- d) Perbelanjaan yang dilakukan bagi memperbaiki premis, loji, jentera atau lekapan atau memperbaharui, memperbaiki atau mengubahsuai apa-apa alat, perkakas atau barang yang digunakan dalam perniagaan tetapi tidak termasuk kos pembangunan atau pembinaan semula apa-apa premis, bangunan, binaan atau kerja yang bersifat kekal, apa-apa loji atau jentera atau apa-apa lekapan.
- e) Potongan-potongan lain yang ditetapkan.

#### 8.3.3 Peruntukan Khas Seksyen 34 ACP

Antara potongan yang boleh dibenarkan dalam mengira pendapatan/kerugian larasan di bawah peruntukan khas seksyen 34 ACP bagi punca perniagaan adalah seperti berikut:

- a) Hutang lapuk perdagangan yang dihapuskira kerana tidak dapat dipungut lagi dan hutang ragu tertentu perdagangan yang dianggar tidak dapat dipungut lagi (peruntukan am hutang ragu dan hutang lapuk yang bukan berjenis perdagangan adalah tidak dibenarkan sebagai potongan).
- b) Caruman yang dibuat oleh majikan kepada skim yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) berkenaan dengan pekerjaannya. Seksyen 2 ACP mentakrifkan “skim yang diluluskan” sebagai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), skim persaraan swasta atau kumpulan wang pencen atau simpanan, skim atau pertubuhan yang diluluskan oleh KPHDN di bawah seksyen 150 ACP. Amaun yang dibenarkan untuk potongan adalah amaun yang sama dengan caruman majikan atau 19% daripada saraan pekerja, yang mana lebih rendah.
- c) Perbelanjaan yang dilakukan bagi menyediakan peralatan atau pengubahsuaian atau pembaikan ke atas premis bagi membantu pekerja kurang upaya dalam menjalankan tugas.
- d) Perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan penterjemahan atau penerbitan buku-buku kebudayaan, sastera, profesional, saintifik atau teknikal ke dalam bahasa kebangsaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

- e) Perbelanjaan yang tidak melebihi RM100,000 yang dilakukan bagi menyediakan kemudahan perpustakaan yang dibuka kepada orang awam dan sumbangan kepada perpustakaan awam, perpustakaan sekolah dan institusi pengajian tinggi.
- f) Perbelanjaan yang dilakukan bagi menyediakan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada suatu projek kebajikan atau kemasyarakatan berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, perumahan, pemeliharaan atau pemuliharaan alam sekitar, peningkatan pendapatan golongan berpendapatan rendah, infrastruktur dan teknologi maklumat dan komunikasi atau sumbangan pembiayaan projek penyelenggaraan bangunan yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan negara oleh Pesuruhjaya Warisan di bawah Akta Warisan Negara [Akta 645], yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
- g) Perbelanjaan yang dilakukan (bukan merupakan perbelanjaan modal) bagi menyediakan dan menyelenggarakan pusat penjagaan kanak-kanak untuk manfaat pekerja yang digajikan dalam perniagaan.
- h) Perbelanjaan yang dilakukan bagi menubuhkan dan menguruskan kumpulan muzik atau kebudayaan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
- i) Perbelanjaan bagi menaja aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan tempatan dan asing yang diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab untuk kesenian, kebudayaan atau warisan, dengan syarat amaun perbelanjaan yang dilakukan adalah seperti berikut:

| Berkuatkuasa Dari | Aktiviti Kesenian, Kebudayaan Atau Warisan Asing | Aktiviti Kesenian, Kebudayaan Atau Warisan Tempatan |
|-------------------|--------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|
| TT 2007           | RM200,000                                        | RM300,000                                           |
| TT 2017           | RM300,000                                        | RM400,000                                           |
| TT 2020           | RM300,000                                        | RM700,000                                           |

Aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan tempatan dan asing hendaklah diadakan di dalam negara. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada KU No. 2/2021 bertajuk “Potongan Cukai Ke Atas Penajaan Aktiviti Kesenian, Kebudayaan Dan Warisan” yang boleh didapati daripada portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

### Contoh 1

Azam Warisan Sdn. Bhd. telah menaja satu aktiviti kebudayaan yang diadakan di Istana Budaya, Kuala Lumpur pada bulan Julai 2021. Aktiviti ini telah diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab untuk seni, budaya atau warisan. Perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat untuk menaja aktiviti kebudayaan tempatan adalah sebanyak RM600,000 manakala sebanyak RM380,000 dibelanjakan untuk menaja aktiviti kebudayaan asing.

Azam Warisan Sdn. Bhd. layak mendapat potongan atas perbelanjaan berjumlah RM900,000 iaitu RM600,000 bagi penajaan aktiviti kebudayaan tempatan dan RM300,000 bagi penajaan aktiviti kebudayaan asing.

- j) Perbelanjaan yang dilakukan bagi penyediaan latihan amali di Malaysia berhubung dengan perniagaannya kepada individu yang bermastautin yang bukan pekerjanya.
- k) Perbelanjaan yang dilakukan (bukan merupakan perbelanjaan modal) berhubung penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan perniagaan sama ada dilakukan sendiri olehnya atau bagi pihaknya.

#### 8.3.4 Peruntukan khas seksyen 34A dan 34B ACP

- a) Selain daripada potongan di bawah seksyen 34 ACP, potongan khas bagi perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 34A ACP juga dibenarkan dalam menentukan pendapatan larian perniagaan seseorang pemastautin di Malaysia. Di bawah peruntukan ini, perbelanjaan hasil yang dilakukan atas penyelidikan dan pembangunan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan boleh dituntut sebagai potongan dua kali.
- b) Seksyen 34B ACP memperuntukkan bahawa potongan dua kali juga dibenarkan atas perbelanjaan hasil berikut yang dilakukan oleh seseorang pemastautin di Malaysia dalam menentukan pendapatan larian perniagaan:

- sumbangan dalam bentuk wang kepada institut penyelidikan yang diluluskan;
- bayaran bagi menggunakan perkhidmatan institusi penyelidikan yang diluluskan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan; atau
- bayaran bagi menggunakan perkhidmatan syarikat penyelidikan dan pembangunan atau syarikat penyelidikan dan pembangunan kontrak.

Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk KU No. 5/2020 bertajuk “Layanan Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan Dan Pembangunan Bahagian I – Aktiviti Penyelidikan Dan Pembangunan Yang Layak” dan KU No. 6/2020 bertajuk “Layanan Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan Dan Pembangunan Bahagian II – Potongan Khas” yang boleh didapati daripada portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

#### **8.4 Pengiraan pendapatan larasan bagi punca penggajian**

Pengiraan pendapatan larasan bagi punca penggajian adalah seperti berikut:

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | <b>RM</b> | <b>RM</b> |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|-----------|
| Pendapatan kasar penggajian – perenggan 13(1)(a) hingga (e) ACP                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |           | XX        |
| Tolak: Perbelanjaan dibenarkan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |           |           |
| Peruntukan am (subseksyen 33(1) ACP)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |           |           |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan kasar penggajian seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Perbelanjaan perjalanan yang ditanggung oleh individu dalam menjalankan tugas sebagai seorang pekerja</li> <li>➢ Yuran tahunan yang dibayar kepada badan profesional di mana keahlian tersebut adalah syarat untuk menjalankan tugas</li> </ul> </li> </ul> | XX<br>XX  |           |
| Peruntukan khas (seksyen 38 dan 38A ACP) seperti:                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |           |           |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran sewa tempat kediaman/ perabot/ kadar awam/ premium insurans bagi tempat kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja (terhad kepada nilai tempat kediaman dan manfaat perabot yang diambil kira dalam pendapatan kasar penggajian) (seksyen 38 ACP)</li> </ul>                                                                                                                                   | XX        |           |

|                                                                                                                                                  |           |           |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|-----------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Perbelanjaan keraian (terhad kepada elaun keraian yang dibayar oleh majikan) (seksyen 38A ACP)</li> </ul> | <u>XX</u> | <u>XX</u> |
| Pendapatan larasan penggajian                                                                                                                    |           | <u>XX</u> |

#### 8.5 Pengiraan pendapatan larasan bagi punca pendapatan lain (dividen, faedah, sewa, royalti, premium dan lain-lain)

Pengiraan pendapatan larasan bagi punca pendapatan lain adalah seperti berikut:

|                                                                                                                                           | RM        |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| Pendapatan kasar                                                                                                                          | XX        |
| Tolak: Perbelanjaan dibenarkan                                                                                                            |           |
| Peruntukan am – subseksyen 33(1) ACP                                                                                                      |           |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan kasar</li> </ul> | <u>XX</u> |
| Pendapatan larasan                                                                                                                        | <u>XX</u> |

#### 8.6 Perbelanjaan yang tidak dibenarkan

Dalam mengira pendapatan larasan bagi setiap punca pendapatan, terdapat beberapa perbelanjaan yang tidak dibenarkan sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 39 ACP. Perbelanjaan-perbelanjaan tersebut adalah seperti berikut:

- Perbelanjaan domestik atau persendirian.
- Perbelanjaan yang bukan kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar.
- Modal yang dikeluarkan atau apa-apa jumlah wang yang digunakan atau bertujuan untuk digunakan sebagai modal. Sebagai contoh, bayaran untuk membeli aset tetap atau aset persendirian seperti rumah kediaman, kereta dan saham.
- Bayaran kepada kumpulan wang pencen, kumpulan wang simpanan, kumpulan wang balu dan anak yatim atau kumpulan wang lain yang serupa atau pertubuhan yang bukan merupakan skim yang diluluskan.
- Perbelanjaan yang layak berhubung dengan suatu perniagaan yang dilakukan bagi maksud Jadual 2, 3 atau 4 ACP.

- f) <sup>1</sup>Faedah atau royalti yang diperoleh dari Malaysia yang tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP tetapi tiada potongan cukai pegangan dibuat dan tidak dibayar kepada KPHDN dalam tempoh yang ditetapkan.
- g) Apa-apa wang yang dibayar (bukan kepada Kerajaan Negeri atau dengan kelulusan Menteri Kewangan, badan berkanun atau badan lain yang mana modal atau kumpulan wang dimiliki kesemuanya atau sebahagian besarnya oleh Kerajaan Negeri atau badan berkanun) bagi kegunaan suatu lesen atau permit untuk mengeluarkan balak daripada hutan di Malaysia.
- h) <sup>2</sup>Apa-apa bayaran kontrak kepada kontraktor yang bukan pemastautin yang tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 107A ACP tetapi tiada potongan cukai pegangan dibuat dan tidak dibayar kepada KPHDN dalam tempoh yang ditetapkan.
- i) <sup>3</sup>Apa-apa bayaran kepada bukan pemastautin yang tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B atau 109F ACP tetapi tiada potongan cukai pegangan dibuat dan tidak dibayar kepada KPHDN dalam tempoh yang ditetapkan.
- j) Sewa yang dibayar untuk kenderaan bermotor (selain daripada kenderaan bermotor yang dilesenkan sebagai kenderaan perdagangan) yang melebihi RM50,000.

Bagi kes di mana:

- kenderaan bermotor itu adalah kenderaan baharu (bukan kenderaan yang "reconditioned") dan belum digunakan bagi apa-apa tujuan sebelum disewakan; dan
- jumlah kos kenderaan bermotor tersebut tidak melebihi RM150,000,

bayaran sewa yang melebihi RM100,000 tidak dibenarkan.

Agregat amaun potongan yang dibenarkan bagi kenderaan bermotor yang disewa itu dalam TT tersebut dan TT berikutnya tidak boleh melebihi RM50,000 atau RM100,000, mengikut mana-mana yang berkenaan.

- k) Amaun yang bersamaan dengan 50% daripada apa-apa perbelanjaan yang dilakukan untuk tujuan keraian termasuk apa-apa amaun yang dibayar kepada pekerja untuk tujuan menyediakan keraian.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan keraian yang diperuntukkan di bawah proviso (i) hingga (viii) perenggan 39(1)(l) ACP dibenarkan potongan sepenuhnya.

Untuk penerangan lanjut, sila rujuk kepada KU No. 4/2015 bertajuk “Perbelanjaan Keraian” yang boleh didapati daripada portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

- l) Perbelanjaan yang dilakukan dalam menyediakan manfaat atau kemudahan kepada pekerja yang terdiri daripada tambang percuma untuk perjalanan dalam atau luar negara. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ini tertakluk kepada perenggan 39(1)(l)(i) dan (viii) ACP.

Untuk penerangan lanjut, sila rujuk kepada KU No. 1/2003 dan Tambahan Kepada KU No. 1/2003 bertajuk “Layanan Cukai Berhubung Dengan Tambang Percutian” yang boleh didapati daripada portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

- m) Apa-apa saraan atau pembayaran serupa yang dibayar kepada pekongsi perkongsian liabiliti terhad di mana saraan atau pembayaran serupa tersebut tidak dinyatakan atau diperuntukkan dalam perjanjian perkongsian liabiliti terhad yang dibuat mengikut seksyen 9 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.
- n) Cukai input yang boleh dituntut daripada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) dan cukai input oleh orang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (ACBP) tetapi gagal berbuat demikian.
- o) Cukai output yang ditanggung oleh seseorang jika dia berdaftar atau bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP.

Untuk penerangan lanjut berkenaan dengan cukai input dan cukai output, sila rujuk kepada KU No. 1/2017 bertajuk “Layanan Cukai Pendapatan atas Cukai Barang dan Perkhidmatan Bahagian I – Perbelanjaan” yang boleh didapati daripada portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

- p) <sup>4</sup>Saraan atau pendapatan lain berhubung dengan perkhidmatan yang dijalankan atau diberikan di Malaysia oleh penghibur awam yang mana cukai pegangan di bawah seksyen 109A ACP tidak dipotong dan tidak dibayar kepada KPHDN dalam tempoh yang ditetapkan.

Untuk penerangan lanjut, sila rujuk kepada KU No. 6/2017 bertajuk “Cukai Pegangan atas Pendapatan Penghibur Awam Bukan Pemastautin” yang boleh didapati daripada portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

**Catatan:**

<sup>1-4</sup>Bayaran hanya akan dibenarkan sebagai potongan selepas cukai pegangan bersama dengan kenaikan cukai yang dikenakan diremitkan kepada KPHDN.

- q) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang ditentukan oleh Menteri, apa-apa amaun yang berkaitan dengan pembayaran yang dibuat oleh seseorang yang merupakan pemastautin kepada mana-mana entiti Labuan seperti yang dinyatakan di bawah perenggan 2B(1)(a) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

**9. Pengiraan Pendapatan Berkanun**

Perenggan 5(1)(d) ACP memperuntukkan bahawa pendapatan berkanun daripada setiap punca pendapatan bagi tempoh asas bagi suatu TT hendaklah ditentukan mengikut seksyen 42 ACP.

**9.1 Pendapatan berkanun daripada punca perniagaan**

- 9.1.1 Pendapatan berkanun daripada suatu punca perniagaan ditentukan seperti berikut:

|                                                                           | <b>RM</b> | <b>RM</b> |
|---------------------------------------------------------------------------|-----------|-----------|
| Pendapatan larasan                                                        |           | XX        |
| Campur:                                                                   |           |           |
| Kenaan imbalan atau agregat kenaan imbalan                                | XX        |           |
| Kenaan pertanian atau agregat kenaan pertanian                            | XX        |           |
| Kenaan hutan atau agregat kenaan hutan                                    | <u>XX</u> | <u>XX</u> |
|                                                                           |           | XX        |
| Tolak:                                                                    |           |           |
| Elaun atau agregat elaun di bawah Jadual 3 berkaitan punca perniagaan itu |           | <u>XX</u> |
| Pendapatan berkanun                                                       |           | <u>XX</u> |

## Contoh 2

Adam menjalankan suatu perniagaan dan maklumat berhubung perniagaannya bagi tahun berakhir 31.12.2021 adalah seperti berikut:

|                                              | <b>RM</b> |
|----------------------------------------------|-----------|
| Pendapatan larasan daripada punca perniagaan | 100,000   |
| Kenaan imbalan                               | 15,000    |
| Elaun modal                                  | 20,000    |

Pendapatan berkanun Adam bagi TT 2021 adalah seperti berikut:

|                        | <b>RM</b>     |
|------------------------|---------------|
| Pendapatan larasan     | 100,000       |
| Campur: Kenaan imbalan | <u>15,000</u> |
|                        | 115,000       |
| Tolak: Elaun modal     | <u>20,000</u> |
| Pendapatan berkanun    | <u>95,000</u> |

- 9.1.2 Pendapatan berkanun daripada punca perniagaan bagi suatu tempoh asas bagi suatu TT masih boleh wujud walaupun terdapat kerugian larasan bagi punca perniagaan tersebut, jika kenaan imbalan perniagaan melebihi elaun modalnya.

## Contoh 3

Amirul mempunyai suatu punca perniagaan dan maklumat berhubung dengan perniagaannya bagi tahun berakhir 31.12.2021 adalah seperti berikut:

|                             | <b>RM</b> |
|-----------------------------|-----------|
| Kerugian larasan perniagaan | (50,000)  |
| Kenaan imbalan              | 10,000    |
| Elaun modal                 | 5,000     |

Pendapatan berkanun Amirul daripada perniagaan bagi TT 2021 adalah seperti berikut:

|                               |               | <b>RM</b>     |
|-------------------------------|---------------|---------------|
| Pendapatan larasan perniagaan | (rugi 50,000) | Tiada         |
| Campur: Kenaan imbalan        |               | <u>10,000</u> |
|                               |               | 10,000        |
| Tolak: Elaun modal            |               | <u>5,000</u>  |
| Pendapatan berkanun           |               | <u>5,000</u>  |

**Catatan:**

Kerugian larasan sebanyak RM50,000 adalah kerugian yang dialami dalam tahun semasa. Kerugian ini boleh ditolak daripada pendapatan agregat Amirul dalam mengira jumlah pendapatannya bagi TT 2021 [subseksyen 44(1) ACP].

- 9.1.3 Sekiranya terdapat elaun modal yang tidak dapat diserap oleh pendapatan larasan daripada suatu punca perniagaan, elaun modal yang tidak dapat diserap itu akan dibawa hadapan dan dibenarkan dalam mengira pendapatan berkanun perniagaan daripada punca perniagaan yang sama untuk TT berikutnya.

**Contoh 4**

Zahid mempunyai pendapatan daripada punca-punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2020 dan 31.12.2021:

|                    | <b>Tahun berakhir<br/>31.12.2020</b> | <b>Tahun berakhir<br/>31.12.2021</b> |
|--------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|
|                    | <b>RM</b>                            | <b>RM</b>                            |
| <b>Perniagaan:</b> |                                      |                                      |
| Pendapatan larasan | 5,000                                | 12,000                               |
| Elaun modal        | 6,500                                | 7,000                                |
| <b>Sewa:</b>       |                                      |                                      |
| Pendapatan larasan | 25,000                               | 29,000                               |

Pendapatan berkanun Zahid daripada setiap punca pendapatan bagi TT 2020 dan TT 2021 dikira seperti berikut:

|                             | TT 2020                   | TT 2021                                        |
|-----------------------------|---------------------------|------------------------------------------------|
|                             | RM                        | RM                                             |
| <b>Perniagaan:</b>          |                           |                                                |
| Pendapatan larasan          | 5,000                     | 12,000                                         |
| Tolak:                      |                           |                                                |
| Elaun modal                 | 6,500                     | TT 2021 7,000                                  |
| Terhad kepada               | <u>5,000</u> <u>5,000</u> | b/h dari <u>1,500<sup>5</sup></u> <u>8,500</u> |
| Elaun modal h/h ke TT 2021  | 1,500 <sup>5</sup>        | TT 2020                                        |
| Pendapatan berkanun         | <u>Tiada</u>              | <u>3,500</u>                                   |
| <b>Sewa:</b>                |                           |                                                |
| Pendapatan larasan/berkanun | <u>25,000</u>             | <u>29,000</u>                                  |

**Catatan:**

<sup>5</sup>Elaun modal sebanyak RM1,500 yang tidak dapat diserap oleh pendapatan daripada punca perniagaan bagi TT 2020 akan dihantar hadapan ke TT 2021 dan hanya boleh ditolak daripada punca perniagaan yang sama.

**9.2 Pendapatan berkanun punca selain perniagaan**

Pendapatan berkanun daripada setiap punca selain perniagaan bagi suatu tempoh asas bagi suatu TT adalah jumlah pendapatan kasar daripada punca tersebut ditolak dengan mana-mana perbelanjaan yang boleh dibenarkan mengikut peruntukan ACP. Ini bermaksud, pendapatan berkanun daripada suatu punca bukan perniagaan adalah pendapatan larasan punca tersebut bagi tempoh asas bagi TT itu.

$$\text{Pendapatan larasan daripada punca bukan perniagaan} = \text{Pendapatan berkanun daripada punca bukan perniagaan}$$

**Contoh 5**

Jane adalah seorang pengurus pemasaran di sebuah syarikat di Kuala Lumpur. Pendapatan penggajiannya bagi tahun berakhir 31.12.2021 adalah seperti berikut:

|                  | <b>RM</b>      |
|------------------|----------------|
| Gaji             | 125,000        |
| Elaun perjalanan | 24,000         |
| Elaun keraian    | <u>15,000</u>  |
|                  | <u>164,000</u> |

Jane membuat tuntutan atas perbelanjaan seperti berikut:

- Membelanjakan kesemua RM24,000 elaun perjalanan yang diperuntukkan oleh majikannya untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan sedia ada syarikat; dan
- Membelanjakan RM16,000 bagi tujuan meraikan pelanggan sedia ada syarikat.

Pendapatan berkanun Jane daripada punca penggajian bagi TT 2021 adalah seperti berikut:

|                                                            | <b>RM</b>     | <b>RM</b>      |
|------------------------------------------------------------|---------------|----------------|
| Gaji                                                       |               | 125,000        |
| Elaun perjalanan                                           |               | 24,000         |
| Elaun keraian                                              |               | <u>15,000</u>  |
|                                                            |               | 164,000        |
| Tolak: Perbelanjaan (subseksyen 33(1) dan seksyen 38A ACP) |               |                |
| Perjalanan                                                 | 24,000        |                |
| Keraian (terhad kepada elaun keraian)                      | <u>15,000</u> | <u>39,000</u>  |
| Pendapatan larasan/berkanun                                |               | <u>125,000</u> |

**Catatan:**

- Perbelanjaan perjalanan yang dilakukan oleh Jane dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP dengan syarat perbelanjaan tersebut dilakukan semasa menjalankan tugas penggajian dan disahkan oleh majikan. Apa-apa perbelanjaan perjalanan persendirian seperti perbelanjaan yang dilakukan untuk perjalanan dari rumah ke pejabat adalah tidak dibenarkan.

- ii. Perbelanjaan keraian yang dilakukan oleh Jane untuk meraikan pelanggan sedia ada syarikat adalah dibenarkan sebagai potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP dengan syarat keraian tersebut dibuat dalam menjalankan tugasnya. Walau bagaimanapun, amaun perbelanjaan keraian yang boleh dibenarkan adalah dihadkan kepada amaun elaun keraian yang dibayar oleh majikan (seksyen 38A ACP).

### Contoh 6

Imran, seorang pengurus projek, mempunyai pendapatan daripada punca-punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2021:

|                   | RM     |
|-------------------|--------|
| <b>Penggajian</b> |        |
| Gaji              | 90,000 |
| Elaun perjalanan  | 15,000 |
| Elaun keraian     | 8,000  |
| <b>Sewa</b>       |        |
| Pendapatan kasar  | 22,000 |

Imran membuat tuntutan atas perbelanjaan daripada punca pendapatan berikut:

Bagi pendapatan penggajian:

- RM14,000 untuk melawat tapak projek pembinaan; dan
- RM8,400 untuk meraikan pelanggan syarikat.

Bagi pendapatan sewa:

- RM7,000 bagi faedah pinjaman perumahan; dan
- RM1,600 bagi cukai taksiran (cukai pintu) dan cukai tanah rumah.

Pendapatan berkanun Imran daripada setiap punca bagi TT 2021 adalah seperti berikut:

|                                            | RM | RM      |
|--------------------------------------------|----|---------|
| <b>Penggajian</b>                          |    |         |
| Pendapatan kasar (90,000 + 15,000 + 8,000) |    | 113,000 |
| Tolak:                                     |    |         |

|                                                                |              |               |
|----------------------------------------------------------------|--------------|---------------|
| Perbelanjaan dibenarkan (subseksyen 33(1) dan seksyen 38A ACP) |              |               |
| Perjalanan                                                     | 14,000       |               |
| Keraian (terhad kepada elaun yang diterima)                    | <u>8,000</u> | <u>22,000</u> |
| Pendapatan larasan/berkanun penggajian                         |              | <u>91,000</u> |
| <b>Sewa</b>                                                    |              |               |
| Pendapatan kasar                                               |              | 22,000        |
| Tolak:                                                         |              |               |
| Perbelanjaan dibenarkan (subseksyen 33(1) ACP)                 |              |               |
| Faedah pinjaman perumahan                                      | 7,000        |               |
| Cukai taksiran dan cukai tanah rumah                           | <u>1,600</u> | <u>8,600</u>  |
| Pendapatan larasan/berkanun sewa                               |              | <u>13,400</u> |

## 10. Pengiraan Pendapatan Agregat

10.1 Seksyen 43 ACP menjelaskan bagaimana pendapatan agregat dikira. Mengikut peruntukan tersebut, pendapatan agregat seorang individu bagi suatu TT adalah termasuk:

- Agregat pendapatan berkanun daripada setiap punca perniagaan bagi suatu TT dan dikurangkan dengan kerugian larasan perniagaan yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun taksiran terdahulu yang tidak dapat dipotong daripada mana-mana punca pendapatan lain;
- Agregat pendapatan berkanun daripada setiap punca bukan perniagaan (penggajian, dividen, faedah, diskaun, sewa, royalti, premium, pencen, anuiti, bayaran berkala lain dan pendapatan lain) yang diperolehi bagi suatu TT; dan
- Amaun yang diterima berkaitan dengan perbelanjaan mencarigali yang layak di bawah Jadual 4 ACP.

### Contoh 7

Raziq mempunyai pendapatan daripada punca-punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2021:

|                                        | <b>RM</b> | <b>RM</b> |
|----------------------------------------|-----------|-----------|
| Pendapatan larasan daripada perniagaan |           | 75,000    |
| Elaun modal                            | 18,000    |           |
| Kenaan imbalan                         | 2,500     |           |
| Pendapatan larasan daripada penggajian |           | 48,000    |
| Pendapatan larasan sewa                |           | 14,000    |

**Pengiraan pendapatan agregat Raziq bagi TT 2021**

|                                | <b>RM</b>      |
|--------------------------------|----------------|
| Pendapatan larasan perniagaan  | 75,000         |
| Campur: Kenaan imbalan         | <u>2,500</u>   |
|                                | 77,500         |
| Tolak: Elaun modal             | <u>18,000</u>  |
| Pendapatan berkanun perniagaan | 59,500         |
| Pendapatan berkanun penggajian | 48,000         |
| Pendapatan berkanun sewa       | <u>14,000</u>  |
| Pendapatan agregat             | <u>121,500</u> |

**10.2 Kerugian perniagaan yang tidak diserap**

Jika sebahagian atau kesemua kerugian larasan daripada perniagaan bagi suatu tempoh asas tidak dapat ditolak daripada pendapatan agregat daripada semua punca bagi tahun taksiran berkenaan kerana pendapatan agregat tidak mencukupi atau ketiadaan pendapatan agregat, amaun kerugian yang tidak dapat diserap akan di bawa hadapan dan diberi potongan daripada agregat pendapatan berkanun daripada punca perniagaan bagi tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga kerugian itu diserap sepenuhnya.

**Contoh 8**

Maklumat pendapatan Ananda bagi tahun berakhir 31.12.2021 adalah seperti berikut:

|                                 | <b>RM</b> | <b>RM</b> |
|---------------------------------|-----------|-----------|
| Pendapatan larasan Perniagaan I |           | 65,000    |

|                                         |        |         |
|-----------------------------------------|--------|---------|
| Elaun modal                             | 19,000 |         |
| Kenaan imbangan                         | 15,000 |         |
| Kerugian larasan Perniagaan II          |        | (9,200) |
| Elaun modal                             | 6,500  |         |
| Elaun imbangan                          | 3,800  |         |
| Kenaan imbangan                         | 4,400  |         |
| Pendapatan larasan/ berkanun penggajian |        | 46,000  |
| Kerugian sewa                           |        | (3,000) |

**Maklumat tambahan:**

Ananda juga mempunyai kerugian perniagaan yang di bawa ke hadapan dari TT 2020 sebanyak RM7,700.

**Pengiraan pendapatan agregat Ananda bagi TT 2021**

|                                                 | <b>RM</b>     | <b>RM</b>    |
|-------------------------------------------------|---------------|--------------|
| <b>Perniagaan I</b>                             |               |              |
| Pendapatan larasan                              | 65,000        |              |
| Campur: Kenaan imbangan                         | <u>15,000</u> |              |
|                                                 | 80,000        |              |
| Tolak: Elaun modal                              | <u>19,000</u> |              |
| Pendapatan berkanun Perniagaan I                |               | 61,000       |
| <b>Perniagaan II</b>                            |               |              |
| Pendapatan larasan (rugi 9,200) <sup>6</sup>    | Tiada         |              |
| Campur: Kenaan imbangan                         | <u>4,400</u>  |              |
|                                                 | 4,400         |              |
| Tolak: Elaun modal 6,500                        |               |              |
| Elaun imbangan <u>3,800</u>                     |               |              |
| 10,300 terhad kepada                            | <u>4,400</u>  |              |
| Elaun modal h/h ke TT 2022 = 5,900              |               |              |
| Pendapatan berkanun Perniagaan II               |               | <u>Tiada</u> |
| Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan |               | 61,000       |

|                                                              |  |                          |
|--------------------------------------------------------------|--|--------------------------|
| Tolak:                                                       |  |                          |
| Rugi perniagaan b/h (subseksyen 43(2) ACP)                   |  | <u>7,700<sup>7</sup></u> |
| Pendapatan berkanun punca-punca perniagaan yang diagregatkan |  | 53,300                   |
| Pendapatan berkanun penggajian                               |  | 46,000                   |
| Pendapatan berkanun sewa                                     |  | <u>Tiada<sup>8</sup></u> |
| Pendapatan agregat                                           |  | <u>99,300</u>            |

**Catatan:**

<sup>6</sup>Kerugian larasan semasa daripada Perniagaan II sebanyak RM9,200 akan ditolak daripada pendapatan agregat tahun yang sama.

<sup>7</sup>Kerugian larasan daripada perniagaan yang tidak dapat diserap daripada pendapatan agregat tahun sebelumnya diberi potongan daripada agregat pendapatan berkanun perniagaan bagi TT 2021.

<sup>8</sup>Rugi daripada punca sewa sebanyak RM3,000 tidak boleh diberi tolakan daripada mana-mana punca pendapatan.


### 10.3 Had Masa Tuntutan Kerugian Perniagaan Di Bawa Hadapan

Berkuatkuasa mulai TT 2019, subseksyen 44(5F) ACP menetapkan bahawa kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dalam sesuatu tahun taksiran yang boleh dibawa ke hadapan dan dibenarkan potongan adalah terhad kepada tempoh maksimum sepuluh (10) tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran kerugian berlaku.


Jika perniagaan mengalami kerugian dalam TT 2019, kerugian larasan yang tidak dapat diserap dari pendapatan agregat TT 2019 akan dibawa hadapan dan dibenarkan potongan **terhad** kepada 10 tahun taksiran berturut-turut. Sekiranya kerugian atau baki kerugian tidak dapat diserap sepenuhnya pada TT 2029, kerugian atau baki kerugian tersebut perlu diabaikan dalam TT 2030.

Manakala, baki kerugian perniagaan terkumpul sehingga TT 2018 boleh dihantar hadapan sehingga TT 2028. Ini dinyatakan dalam peruntukan khas di bawah seksyen 11 Akta Kewangan 2018 [Akta 812].

**Gambar rajah 1: Tempoh bagi rugi tidak dapat diserap yang dihantar hadapan**



**Gambar rajah 2: Tempoh bagi rugi terkumpul tidak dapat diserap yang dihantar hadapan untuk tempoh peralihan**



Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada KU No. 1/2022 bertajuk “Had Masa Bagi Kerugian Larasan Perniagaan Yang Tidak Dapat Diserap Dihantar Ke Hadapan” yang boleh didapati daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

## 11. Pengiraan Jumlah Pendapatan

Jumlah pendapatan dikira mengikut seksyen 44 ACP. Jumlah pendapatan seorang individu bagi suatu TT adalah pendapatan agregat bagi TT tersebut dikurangkan dengan potongan-potongan yang dibenarkan mengikut turutan berikut:

**a) Potongan pertama: kerugian larasan perniagaan tahun semasa [subseksyen 44(2) ACP]**

Kerugian larasan daripada suatu punca perniagaan atau punca-punca perniagaan bagi tahun semasa adalah potongan pertama yang dibenarkan daripada pendapatan agregat seorang individu dalam mengira jumlah pendapatan bagi suatu TT. Sekiranya kerugian larasan tahun semasa tidak dapat diserap sepenuhnya oleh pendapatan agregat daripada semua punca, baki kerugian yang tidak dapat diserap akan dihantar ke tahun hadapan dan hanya boleh ditolak daripada agregat pendapatan berkanun daripada punca-punca perniagaan sahaja [subseksyen 43(2) ACP].

**Contoh 9**

Farhan mempunyai pendapatan daripada punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2020 dan 31.12.2021:

|                      | <b>Tahun<br/>berakhir<br/>31.12. 2020<br/>RM</b> | <b>Tahun<br/>berakhir<br/>31.12. 2021<br/>RM</b> |
|----------------------|--------------------------------------------------|--------------------------------------------------|
| <b>Perniagaan I</b>  |                                                  |                                                  |
| Kerugian larasan     | (14,000)                                         | (7,000)                                          |
| Kenaan imbalan       | 6,000                                            | Tiada                                            |
| Elaun modal          | 3,500                                            | 4,000                                            |
| <b>Perniagaan II</b> |                                                  |                                                  |
| Pendapatan larasan   | 8,000                                            | 12,000                                           |
| Elaun modal          | 9,000                                            | 5,000                                            |
| <b>Sewa</b>          |                                                  |                                                  |
| Pendapatan larasan   | 10,000                                           | 10,000                                           |

Pengiraan jumlah pendapatan Farhan bagi TT 2020 dan TT 2021 adalah seperti berikut:

| <b>TT 2020</b>      | <b>TT 2021</b> |
|---------------------|----------------|
| <b>Perniagaan I</b> |                |

|                                                        |                     |                            |                           |
|--------------------------------------------------------|---------------------|----------------------------|---------------------------|
| Pendapatan larasan (rugi 14,000) <sup>9</sup>          | Tiada               | Rugi (7,000) <sup>12</sup> | Tiada                     |
| Campur: Kenaan imbalan                                 | 6,000               |                            |                           |
| Tolak: Elaun modal                                     | <u>3,500</u>        |                            | <u>Tiada</u>              |
|                                                        |                     | E/M h/h                    |                           |
| Pendapatan berkanun                                    | 2,500               | 4,000 <sup>13</sup>        | Tiada                     |
| <b>Perniagaan II</b>                                   |                     |                            |                           |
| Pendapatan larasan                                     | 8,000               |                            | 12,000                    |
| Tolak: Elaun modal                                     | 9,000               | 5,000                      |                           |
| Terhad kepada                                          | <u>8,000</u>        | <u>8,000</u>               |                           |
| Elaun modal h/h                                        | 1,000 <sup>10</sup> |                            |                           |
| Elaun modal b/h                                        |                     | <u>1,000<sup>10</sup></u>  | <u>6,000</u>              |
| Pendapatan berkanun                                    | <u>Tiada</u>        |                            | <u>6,000</u>              |
| Agregat pendapatan berkanun perniagaan                 | 2,500               |                            | 6,000                     |
| Tolak: Rugi perniagaan b/h                             | <u>Tiada</u>        |                            | <u>1,500<sup>11</sup></u> |
| Pendapatan berkanun punca perniagaan yang diagregatkan | 2,500               |                            | 4,500                     |
| Campur:                                                |                     |                            |                           |
| Pendapatan berkanun sewa                               | <u>10,000</u>       |                            | <u>10,000</u>             |
| Pendapatan agregat                                     | 12,500              |                            | 14,500                    |
| Tolak:                                                 |                     |                            |                           |
| Rugi perniagaan tahun semasa                           | 14,000 <sup>9</sup> |                            | <u>7,000<sup>12</sup></u> |
| Terhad kepada                                          | <u>12,500</u>       | <u>12,500</u>              |                           |
| Kerugian perniagaan h/h                                | 1,500 <sup>11</sup> |                            |                           |
| Jumlah pendapatan                                      | <u>Tiada</u>        |                            | <u>7,500</u>              |

**Catatan:**

<sup>9</sup> & <sup>12</sup>Rugi tahun semasa diberi tolakan daripada pendapatan agregat.

<sup>10</sup>Elaun modal yang tidak dapat diserap sebanyak RM1,000 daripada Perniagaan II dihantar hadapan ke TT 2021 dan dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan larasan daripada punca perniagaan yang sama.

<sup>11</sup>Rugi tahun semasa yang tidak dapat diserap sepenuhnya oleh pendapatan agregat di hantar hadapan ke TT 2021 dan dibenarkan sebagai potongan terhadap agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan.

<sup>13</sup>Elaun modal yang tidak dapat diserap sebanyak RM4,000 daripada Perniagaan I dihantar hadapan ke TT berikutnya dan dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan larasan daripada punca perniagaan yang sama.

- b) **Potongan kedua: potongan bagi perbelanjaan mencarigali yang layak (Jadual 4 ACP) dan perbelanjaan pra-operasi perniagaan yang layak (Jadual 4B ACP)**

Perbelanjaan mencarigali yang layak dan perbelanjaan pra-operasi perniagaan yang layak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan agregat selepas membenarkan potongan bagi kerugian perniagaan tahun semasa di bawah subseksyen 44(2) ACP.

- c) **Potongan ketiga: hadiah atau sumbangan [subseksyen 44(6), (6A), (8), (9), (10), (11), (11A), (11B), (11C) atau (11D) ACP]**

Potongan bagi hadiah dan sumbangan dalam bentuk tunai di bawah subseksyen 44(6), (6A), (8), (9), (10), (11), (11A), (11B), (11C) atau (11D) ACP yang dibuat dalam tahun asas boleh dibenarkan sekiranya terdapat pendapatan agregat selepas diberi potongan terhadap potongan pertama dan kedua. Jika tiada pendapatan agregat selepas diberi potongan-potongan tersebut, hadiah atau sumbangan yang tidak dapat ditolak daripada pendapatan agregat tidak boleh dihantar hadapan ke TT berikutnya.

## 12. Pencukaian Suami dan Isteri

- 12.1 ACP memperuntukkan seorang suami dan isteri akan dicukai sebagai dua individu yang berasingan. Pendapatan daripada semua punca yang diperolehi oleh isteri akan ditaksir secara berasingan daripada pendapatan suami. Walau bagaimanapun, jika suami atau isteri mendapati bahawa penggabungan jumlah pendapatan mereka akan mendatangkan tanggungan cukai yang lebih rendah, ACP membenarkan suami atau isteri membuat pilihan supaya jumlah pendapatan mereka diagregatkan dalam satu taksiran bersama, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dalam subseksyen 45(2) ACP.

- 12.2 Perenggan 45(2)(a) dan (b) ACP memperuntukkan bahawa –

- a) isteri boleh membuat pilihan (secara bertulis) supaya jumlah pendapatannya diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami bagi suatu TT, dan ditaksir atas nama suami; atau

- b) suami boleh membuat pilihan (secara bertulis) supaya jumlah pendapatannya diagregatkan dengan jumlah pendapatan isteri bagi suatu TT, dan ditaksir atas nama isteri.

**12.3 Perenggan 12.2 terpakai jika -**

- a) Isteri dan suami tinggal bersama dalam tahun asas untuk suatu TT dan tidak berhenti untuk tinggal bersama atau menjadi suami isteri dalam tahun asas tersebut;
- b) Isteri atau suami mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami atau isteri;
- c) Isteri yang memilih atau suami yang memilih adalah seorang pemastautin atau warganegara Malaysia;
- d) Bagi suami yang mempunyai lebih daripada seorang isteri, tiada isteri lain yang memilih untuk mengagregatkan jumlah pendapatan mereka dengan jumlah pendapatan suami; dan
- e) Suami hanya boleh memilih untuk mengagregatkan jumlah pendapatannya dengan jumlah pendapatan seorang isteri sahaja.

- 12.4** Isteri yang memilih atau suami yang memilih supaya jumlah pendapatannya diagregatkan dengan jumlah pendapatan pasangan hendaklah dianggap sebagai tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi TT yang berkenaan [subseksyen 45(4) ACP].

**Contoh 10**

Anuar dan isterinya, Marina bermastautin di Malaysia dan tinggal bersama dalam tahun asas 2021. Anuar memilih untuk mengagregatkan jumlah pendapatannya dengan jumlah pendapatan isterinya dan ditaksir atas nama isteri.

Pendapatan Anuar dan isteri bagi tahun berakhir 31.12.2021 adalah seperti di bawah:

| <b>Punca pendapatan</b> | <b>Anuar<br/>RM</b> | <b>Marina<br/>RM</b> |
|-------------------------|---------------------|----------------------|
| Penggajian              | 15,000              | 72,000               |
| Sewa                    | Tiada               | 6,000                |

**Pengiraan jumlah pendapatan bagi Anuar dan Marina bagi TT 2021**

| Pendapatan                     | Taksiran Bersama |               |
|--------------------------------|------------------|---------------|
|                                | Anuar<br>RM      | Marina<br>RM  |
| Penggajian                     | 15,000           | 72,000        |
| Sewa                           | <u>Tiada</u>     | <u>6,000</u>  |
| Jumlah pendapatan              | 15,000           | 78,000        |
| Jumlah pendapatan diagregatkan |                  | <u>93,000</u> |

Jumlah pendapatan Anuar dan Marina yang diagregatkan adalah sebanyak RM93,000 (RM15,000 + RM78,000) dan ditaksir atas nama Marina.

Suami yang memilih supaya jumlah pendapatannya diagregatkan dengan jumlah pendapatan isteri dan ditaksir atas nama isteri dianggap tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi TT 2021.

**Contoh 11**

Ashraf dan isterinya, Nadia bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2021. Mereka mempunyai pendapatan daripada punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2021 :

| Punca pendapatan      | Ashraf<br>RM | Nadia<br>RM |
|-----------------------|--------------|-------------|
| Perniagaan (kerugian) | (27,000)     | Tiada       |
| Penggajian            | Tiada        | 60,000      |
| Sewa                  | 8,400        | Tiada       |

**Pengiraan jumlah pendapatan Ashraf dan Nadia bagi TT 2021**

| Punca pendapatan                                              | Ashraf<br>(RM) | Nadia<br>(RM) |
|---------------------------------------------------------------|----------------|---------------|
| Pendapatan berkanun perniagaan<br>(kerugian larasan RM27,000) | Tiada          | Tiada         |
| Pendapatan berkanun penggajian                                | Tiada          | 60,000        |
| Pendapatan berkanun sewa                                      | <u>8,400</u>   | <u>Tiada</u>  |

|                                   |                                                                        |               |
|-----------------------------------|------------------------------------------------------------------------|---------------|
| Pendapatan agregat                | 8,400                                                                  | 60,000        |
| Tolak: Rugi tahun semasa (terhad) | <u>8,400</u>                                                           | <u>Tiada</u>  |
| Jumlah pendapatan                 | <u>Tiada</u>                                                           | <u>60,000</u> |
|                                   | [kerugian<br>RM18,600<br>(RM27,000 –<br>RM8,400) di<br>hantar hadapan] |               |

Ashraf tidak boleh memilih untuk ditaksir bersama kerana beliau tiada jumlah pendapatan. Nadia akan ditaksir atas namanya sendiri dan kerugian perniagaan Ashraf sebanyak RM18,600 akan di hantar ke tahun hadapan untuk ditolak daripada pendapatan berkanun perniagaannya [subseksyen 44(5) dan 43(2) ACP].

- 12.5 Rangkaian kata “tinggal bersama” membawa maksud tinggal bersama dengan niat. Suami dan isteri dianggap tinggal bersama walaupun mereka berpisah buat sementara disebabkan salah seorang daripada mereka keluar atas urusan perniagaan ataupun bercuti. Sebagai contoh, pasangan yang dihantar bekerja ke luar negara untuk tempoh tertentu atau bertugas di luar negara secara sementara juga dianggap sebagai “tinggal bersama”.

Suami dan isteri dianggap tinggal bersama melainkan mereka berpisah –

- melalui perintah mahkamah;
- melalui surat ikatan perpisahan;
- melalui perjanjian bertulis untuk berpisah; atau
- dalam keadaan di mana perpisahan tersebut berkemungkinan berkekalan.

- 12.6 Apabila suami dan isteri berhenti untuk tinggal bersama disebabkan berlakunya salah satu daripada empat keadaan di perenggan 12.5, syarat “tinggal bersama” bagi tujuan pengagregatan jumlah pendapatan suami dan isteri tidak dipenuhi. Oleh itu-

- jumlah pendapatan bekas isteri tidak boleh diagregatkan dengan jumlah pendapatan bekas suami; dan
- bekas isteri akan ditaksir secara berasingan atas namanya sendiri dan di atas pendapatannya yang dikenakan cukai mulai TT suami dan isteri berhenti tinggal bersama.

- 12.7 Bagi suami atau isteri yang mempunyai jumlah pendapatan dan memilih untuk ditaksir bersama dengan pasangan, sama ada taksiran di buat atas nama isteri atau suami, suami yang memilih atau isteri yang memilih itu perlu mengisi Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara berasingan. Suami yang memilih atau isteri yang memilih untuk ditaksir bersama perlu menyatakan di dalam BNCP masing-masing yang pilihan dibuat untuk ditaksir bersama pasangan.
- 12.8 Apabila suami atau isteri meninggal dunia dalam tahun asas untuk suatu TT, pendapatan mereka akan ditaksir secara berasingan. Sekiranya suami meninggal dunia, isteri akan dicukai sebagai "femme sole". Suami akan dicukai atas pendapatan beliau dari permulaan tahun asas sehingga tarikh kematiannya atas nama pentadbir harta pesaka si mati (suami). Begitu juga, jika isteri meninggal dunia, beliau akan dicukai atas pendapatan beliau atas nama pentadbir harta pesaka si mati (isteri) dari permulaan tahun asas sehingga tarikh kematian.

### 13. Pengiraan Pendapatan yang Boleh Dikenakan Cukai

- 13.1 Subseksyen 45(1) ACP memperuntukkan cara pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dengan membenarkan beberapa potongan daripada jumlah pendapatan individu. Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai adalah seperti berikut:

|                                                                                                            | RM        |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| Pendapatan kasar perniagaan                                                                                | XX        |
| Tolak: Perbelanjaan dibenarkan (seksyen 33, 34, 34A, dan 34B ACP)                                          | XX        |
| <b>Pendapatan larasan (seksyen 41 ACP)</b>                                                                 | <b>XX</b> |
| Tambah:                                                                                                    |           |
| Kenaan imbalan/ kenaan pertanian/ kenaan hutan (Jadual 3 ACP)                                              | XX        |
| Tolak:                                                                                                     |           |
| Elaun modal - tahun semasa dan baki bawa hadapan<br>(termasuk elaun imbalan/ elaun hutan/ elaun pertanian) | XX        |
| <b>Pendapatan berkanun (seksyen 42 ACP)</b>                                                                |           |
| Pendapatan berkanun daripada semua punca perniagaan                                                        | XX        |
| Tolak:                                                                                                     |           |
| Kerugian larasan perniagaan yang dibawa hadapan                                                            | XX        |
| Tambah:                                                                                                    |           |
| Pendapatan berkanun daripada punca selain perniagaan                                                       | XX        |
| Amaun diterima berkaitan perbelanjaan mencarigali (Jadual 4 ACP)                                           | XX        |

|                                                                                                         |           |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| <b>Pendapatan agregat (seksyen 43 ACP)</b>                                                              | <b>XX</b> |
| Tolak:                                                                                                  |           |
| Kerugian larasan perniagaan tahun semasa [subseksyen 44(2) ACP]                                         | <b>XX</b> |
| Perbelanjaan mencarigali (Jadual 4 ACP)                                                                 | <b>XX</b> |
| Perbelanjaan pra-operasi perniagaan (Jadual 4B ACP)                                                     | <b>XX</b> |
| Hadiah dan sumbangan [subseksyen 44(6), (6A), (8), (9), (10), (11), (11A), (11B), (11C) atau (11D) ACP] | <b>XX</b> |
| <b>Jumlah pendapatan (seksyen 44 ACP)</b>                                                               | <b>XX</b> |
| Tolak:                                                                                                  |           |
| Potongan dibenarkan di bawah seksyen 45A, 46, 46B, 47, 48 atau 49 ACP                                   | <b>XX</b> |
| <b>Pendapatan yang boleh dikenakan cukai (seksyen 45 ACP)</b>                                           | <b>XX</b> |

Penerangan terperinci berhubung dengan potongan yang dibenarkan di bawah seksyen 45A hingga 49 ACP dijelaskan dalam KU No. 5/2021 bertajuk "Pencukaian Individu Bermastautin Bahagian I - Hadiah atau Sumbangan dan Potongan yang Dibenarkan" yang boleh didapati daripada portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

- 13.2 Individu pemastautin di Malaysia akan ditaksir atas nama sendiri dan layak menuntut potongan di bawah seksyen 45A hingga 49 ACP.
- 13.3 Bagi isteri yang ditaksir secara berasingan atas nama sendiri, suami tidak layak mendapat potongan bagi isteri [subseksyen 47(4) ACP]. Begitu juga, bagi suami yang ditaksir secara berasingan, isteri tidak layak menuntut potongan bagi suami. Walau bagaimanapun, mengikut subseksyen 47(2) ACP, seorang suami layak mendapat potongan bagi bayaran alimoni yang diberikan kepada bekas isteri.

### **Contoh 12**

Yow dan isterinya, Carmen bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2021. Yow mempunyai seorang bekas isteri dan beliau membayar alimoni kepada bekas isterinya sebanyak RM8,400 dalam tahun asas tersebut. Yow dan Carmen ditaksir secara berasingan bagi TT 2021.

Yow dan Carmen masing-masing tidak layak menuntut potongan bagi isteri dan suami masing-masing bagi TT 2021 kerana kedua-duanya ditaksir secara berasingan atas nama sendiri.

Walaupun bagaimanapun, Yow layak menuntut bayaran alimoni yang dibuat kepada bekas isteri tetapi terhad kepada amaun maksimum RM4,000.

### **Contoh 13**

Rizal dan isterinya, Linda bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2021. Maklumat pendapatan Rizal dan Linda bagi tahun berakhir 31.12.2021 adalah seperti berikut:

|                                | <b>Rizal<br/>RM</b> | <b>Linda<br/>RM</b> |
|--------------------------------|---------------------|---------------------|
| Pendapatan berkanun penggajian | 56,000              | 140,000             |
| Pendapatan berkanun sewa       | 24,000              | Tiada               |

#### **Maklumat tambahan:**

- Ibu Linda menghidap penyakit angin ahmar dan laporan doktor mengesahkan beliau memerlukan perkhidmatan penjagaan. Linda membelanjakan sebanyak RM6,000 bagi upah penjaga. Rizal juga membelanjakan sebanyak RM2,000 untuk membeli peralatan perubatan dan keperluan khas seperti beg urin dan lampin pakai buang untuk kegunaan ibu mertuanya.
- Rizal dan Linda masing-masing membelanjakan RM3,000 untuk rawatan penyakit leukemia yang dihidapi oleh anak mereka.
- Rizal dan Linda masing-masing membuat caruman sebanyak RM160 dan RM230 kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.
- Pasangan ini mempunyai 3 orang anak yang belum berkahwin:
  - Anak pertama berumur 20 tahun sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah dalam bidang Bioteknologi di Universiti Putra Malaysia.
  - Anak kedua berumur 18 tahun sedang mengikuti program A-Level di Kolej Yayasan UEM.
  - Anak ketiga berumur 16 tahun sedang belajar di Sekolah Menengah Sri Aman, Petaling Jaya.

Rizal menuntut potongan bagi anak ketiga sementara Linda menuntut potongan bagi anak pertama dan kedua.

- Jumlah bayaran yang dibelanjakan oleh Rizal dan Linda bagi tempoh asas 2021 adalah seperti berikut:

| <b>Jenis bayaran/Caruman</b>               | <b>Rizal<br/>RM</b> | <b>Linda<br/>RM</b> |
|--------------------------------------------|---------------------|---------------------|
| Caruman kepada KWSP                        | 4,500               | 12,000              |
| Premium insurans nyawa (atas nama sendiri) | 3,500               | 5,000               |
| Premium insurans pendidikan                | Tiada               | 2,000               |
| Premium insurans perubatan                 | 2,400               | 3,600               |
| Dana Skim Persaraan Swasta                 | Tiada               | 4,500               |
| Anuiti tertangguh                          | 3,600               | 4,000               |

**Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai Rizal dan Linda  
bagi TT 2021**

|                                                | <b>Rizal<br/>RM</b>       | <b>Linda<br/>RM</b>       |
|------------------------------------------------|---------------------------|---------------------------|
| Pendapatan berkanun penggajian                 | 56,000                    | 140,000                   |
| Pendapatan berkanun sewa                       | <u>24,000</u>             | <u>Tiada</u>              |
| Pendapatan agregat/Jumlah pendapatan           | 80,000                    | 140,000                   |
| Tolak: Potongan yang dibenarkan                |                           |                           |
| Diri dan saudara tanggungan                    | 9,000                     | 9,000                     |
| Rawatan perubatan ibu bapa                     | Tiada <sup>14</sup>       | 6,000 <sup>15</sup>       |
| Rawatan perubatan penyakit<br>serius           | 3,000                     | 3,000                     |
| Caruman kepada PERKESO                         | 160                       | 230                       |
| Anak:                                          |                           |                           |
| Pertama (Linda)                                | 8,000                     |                           |
| Kedua (Linda)                                  | <u>2,000</u>              | 10,000                    |
| Ketiga (Rizal)                                 | 2,000                     |                           |
| Caruman KWSP dan insurans<br>nyawa             | 7000 <sup>16</sup>        | 7,000 <sup>16</sup>       |
| Insurans pendidikan/ perubatan                 | 2,400                     | 3,000 <sup>17</sup>       |
| Skim Persaraan Swasta dan<br>anuiti tertangguh | <u>3,000<sup>18</sup></u> | <u>3,000<sup>18</sup></u> |
|                                                | <u>26,560</u>             | <u>41,230</u>             |

|                                       |  |               |               |
|---------------------------------------|--|---------------|---------------|
| Pendapatan yang boleh dikenakan cukai |  | <u>53,440</u> | <u>98,770</u> |
|---------------------------------------|--|---------------|---------------|

**Catatan:**

<sup>14</sup>Perbelanjaan sebanyak RM2,000 yang dilakukan oleh Rizal untuk membeli peralatan perubatan dan keperluan khas bagi ibu Linda tidak boleh dibenarkan sebagai potongan kerana perbelanjaan yang dilakukan untuk ibu bapa sendiri sahaja yang dibenarkan.

<sup>15</sup>Upah penjaga yang layak dituntut sebagai potongan oleh Linda adalah jumlah keseluruhannya iaitu RM6,000 [perenggan 46(1)(c) ACP].

<sup>16</sup>Amaun caruman KWSP dan premium insurans nyawa layak dituntut sebagai potongan oleh Rizal dan Linda dihadkan kepada RM 4,000 bagi KWSP dan RM3,000 bagi insurans nyawa [subseksyen 49(1) ACP].

<sup>17</sup>Amaun premium insurans pendidikan dan manfaat perubatan yang layak dituntut sebagai potongan oleh Linda dihadkan kepada RM3,000 [subseksyen 49(1B) ACP].

<sup>18</sup>Amaun caruman kepada Skim Persaraan Swasta dan premium bagi anuiti tertangguh yang layak dituntut sebagai potongan oleh Rizal dan Linda dihadkan kepada RM3,000 [subseksyen 49(1D) ACP].

13.4 Dalam kes taksiran bersama:

- Potongan bagi suami di bawah seksyen 45A ACP dan potongan bagi isteri di bawah subseksyen 47(1) ACP hanya layak dituntut oleh isteri atau suami yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya.
- Potongan bagi perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan perkhidmatan penjagaan ibu bapa di bawah perenggan 46(1)(c) ACP hanya layak dituntut oleh suami atau isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya.
- Isteri atau suami yang mana taksiran dibuat atas namanya sahaja layak menuntut potongan bagi anak.

13.5 Jika dalam suatu TT,

- isteri/ suami memilih taksiran bersama; atau
- isteri/ suami tiada jumlah pendapatan,

perbelanjaan yang dilakukan oleh isteri/ suami yang memilih atau isteri/ suami yang tiada jumlah pendapatan dianggap telah dilakukan oleh pasangan mereka bagi perkara berikut:

- i) pembelian apa-apa alat sokongan asas yang diperlukan - perenggan 46(1)(d) ACP
- ii) rawatan perubatan penyakit serius - perenggan 46(1)(g) ACP
- iii) perbelanjaan pemeriksaan perubatan penuh atau fi bayaran ujian pengesanan COVID-19 - perenggan 46(1)(h) ACP
- iv) simpanan bersih dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) - perenggan 46(1)(k) ACP
- v) gaya hidup - perenggan 46(1)(p) ACP
- vi) yuran penghantaran anak ke taman asuhan kanak-kanak dan tadika - perenggan 46(1)(r) ACP
- vii) pembelian telefon bimbit, komputer atau tablet – perenggan 46(1)(t) ACP
- viii) pembelian peralatan sukan bagi apa-apa aktiviti sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 (APS) (tidak termasuk basikal roda dua bermotor, bayaran sewa atau fi kemasukan ke mana-mana fasiliti sukan dan bayaran fi pendaftaran bagi penyertaan apa-apa pertandingan sukan yang mana penganjur tersebut diluluskan dan dilesenkan oleh Pesuruhjaya Sukan di bawah APS – perenggan 46(1)(u) ACP
- ix) premium insurans nyawa - subseksyen 49(1) dan 50(2) ACP
- x) premium anuiti tertangguh dan caruman kepada Skim Persaraan Swasta - subseksyen 49(1D) dan 50(2) ACP
- xi) premium insurans pendidikan dan manfaat perubatan - subseksyen 49(1B) dan 50(2) ACP

Bagi caruman kepada KWSP atau kumpulan wang yang diluluskan, hanya caruman yang dilakukan oleh isteri atau suami yang memilih taksiran bersama sahaja dianggap dilakukan oleh pasangan mereka. Caruman yang dilakukan oleh isteri atau suami yang tiada jumlah pendapatan tidak dianggap dilakukan oleh pasangan dan tidak dibenarkan sebagai potongan - subseksyen 49(1) dan 50(3) ACP.

Amaun yang boleh dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan yang boleh dikenakan cukai adalah jumlah amaun yang dibelanjakan atau dianggap telah dibelanjakan dan terhad kepada amaun maksimum yang boleh dituntut oleh individu yang mana taksiran telah dibangkitkan atas namanya.

#### Contoh 14

Raymond dan isterinya, Janet bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2021. Kedua-duanya mempunyai punca pendapatan dan melakukan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31.12.2021 seperti berikut:

|                                                 | Raymond<br>RM | Janet<br>RM |
|-------------------------------------------------|---------------|-------------|
| Pendapatan berkanun penggajian                  | 120,000       | 30,000      |
| Pendapatan berkanun sewa                        | Tiada         | 10,000      |
| Pembelian peralatan sokongan asas untuk anak    | 2,000         | 1,800       |
| Pembelian komputer peribadi untuk kegunaan anak | 1,900         | Tiada       |
| Pembelian buku untuk kegunaan sendiri           | 500           | 250         |
| Bil langganan internet (atas nama sendiri)      | 1,700         | 1,200       |

#### Maklumat tambahan:

- Raymond membelanjakan sebanyak RM4,200 untuk perbelanjaan bagi rawatan perubatan ibunya sementara Janet membelanjakan sebanyak RM1,500 bagi pembelian keperluan khas bapanya. Laporan doktor mengesahkan kesihatan ibu Raymond dan bapa Janet masing-masing memerlukan rawatan perubatan dan keperluan khas.
- Raymond dan Janet mempunyai dua orang anak yang berumur 9 tahun dan 5 tahun. Raymond dan Janet masing-masing membayar RM2,000 bagi yuran penghantaran anak yang berusia 5 tahun ke taman asuhan kanak-kanak. Taman asuhan kanak-kanak tersebut adalah yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- Premium insurans dan anuiti tertanggung serta caruman yang dibuat oleh Raymond dan Janet adalah seperti berikut:

|                                                                                    | <b>Raymond<br/>RM</b> | <b>Janet<br/>RM</b> |
|------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|---------------------|
| Polisi Insurans 1:<br>Polisi dijamin atas nyawa sendiri<br>Premium dibayar         | 12,000                | Tidak<br>berkenaan  |
| Polisi Insurans 2:<br>Polisi dijamin atas nyawa bersama<br>Premium dibayar         | 6,000                 | Tidak<br>berkenaan  |
| Polisi Insurans 3:<br>Polisi dijamin atas nyawa sendiri<br>Premium dibayar         | Tidak<br>berkenaan    | 4,200               |
| Caruman kepada KWSP                                                                | 7,200                 | 2,250               |
| Polisi Anuiti Tertanggung:<br>Polisi dijamin atas nyawa sendiri<br>Premium dibayar | 2,400                 | 2,400               |
| Premium insurans pendidikan                                                        | 3,600                 | Tidak<br>berkenaan  |
| Premium insurans manfaat perubatan                                                 | 3,600                 | 2,000               |

- iv) Janet memilih untuk ditaksir bersama dengan suami seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 45(2)(a) ACP.

**Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai Raymond dan Janet bagi TT 2021**

|                                                       | <b>Raymond<br/>RM</b> | <b>Janet<br/>RM</b> |
|-------------------------------------------------------|-----------------------|---------------------|
| Pendapatan berkanun penggajian                        | 120,000               | 30,000              |
| Pendapatan berkanun sewa                              | <u>Tiada</u>          | <u>10,000</u>       |
| Pendapatan agregat/ Jumlah pendapatan                 | 120,000               | 40,000              |
| Tambah:                                               |                       |                     |
| Jumlah pendapatan yang dipindahkan<br>daripada isteri | <u>40,000</u>         |                     |
| Jumlah pendapatan isteri                              |                       | Tiada               |

|                                       |                     |                     |               |
|---------------------------------------|---------------------|---------------------|---------------|
| Jumlah pendapatan yang disatukan      |                     | 160,000             |               |
| Tolak: Potongan yang dibenarkan       |                     |                     |               |
| Diri dan saudara tanggungan           | 9,000               |                     |               |
| Rawatan perubatan ibu bapa            | 4,200 <sup>19</sup> |                     |               |
| Peralatan sokongan asas               | 3,800 <sup>20</sup> |                     |               |
| Gaya hidup:                           |                     |                     |               |
| Komputer peribadi                     | 1,900               |                     |               |
| Pembelian buku                        |                     |                     |               |
| - suami                               | 500                 |                     |               |
| - isteri                              | 250                 |                     |               |
| Bil langganan internet                |                     |                     |               |
| - suami                               | 1,700               |                     |               |
| - isteri                              | <u>1,200</u>        |                     |               |
|                                       | 5,550               | Terhad              |               |
|                                       |                     | 2,500 <sup>21</sup> |               |
| Yuran taman asuhan kanak-kanak        |                     | 3,000 <sup>22</sup> |               |
| Isteri                                |                     | 4,000               |               |
| Anak:                                 |                     |                     |               |
| Pertama                               | 2,000               |                     |               |
| Kedua                                 | <u>2,000</u>        | 4,000 <sup>23</sup> |               |
| Insurans nyawa dan caruman KWSP       |                     | 7000                |               |
| Anuiti tertangguh                     |                     | 3,000               |               |
| Insurans pendidikan dan perubatan     |                     | 3,000               | <u>43,500</u> |
| Pendapatan yang boleh dikenakan cukai |                     | <u>116,500</u>      | <u>Tiada</u>  |

**Catatan:**

<sup>19</sup>Perbelanjaan yang dilakukan oleh Janet untuk membeli keperluan khas bapanya sebanyak RM1,500 tidak boleh dibenarkan sebagai potongan kerana Janet memilih untuk ditaksir bersama suaminya dan taksiran dibangkitkan atas nama suami.

<sup>20</sup>Perbelanjaan pembelian peralatan sokongan asas untuk anak yang dilakukan oleh Janet sebanyak RM1,800 disifatkan dilakukan oleh Raymond [subseksyen 46(3) ACP].

<sup>21</sup>Perbelanjaan yang dilakukan oleh Janet untuk pembelian buku sebanyak RM250 dan bayaran bil langganan internet sebanyak RM1,200 disifatkan dilakukan oleh Raymond [subseksyen 46(3) ACP].

<sup>22</sup>Yuran penghantaran anak ke taman asuhan kanak-kanak yang dilakukan oleh Janet disifatkan dilakukan oleh Raymond. Jumlah amaun potongan yang dibenarkan terhad kepada RM3,000 [perenggan 46(1)(r) ACP dan subseksyen 46(3) ACP].

<sup>23</sup>Raymond layak menuntut potongan bagi anak kerana taksiran dibuat atas namanya.

13.6 Bagi individu yang bermastautin di Malaysia yang mempunyai suami atau isteri yang tiada jumlah pendapatan kerana -

- a) perniagaan mengalami kerugian; atau
- b) perbelanjaan melebihi pendapatan kasar,

individu tersebut masih layak menuntut potongan bagi suami atau potongan bagi isteri sebanyak RM4,000 [subseksyen 45A(1) dan 47(5) ACP]. Jika suami atau isteri adalah seorang yang hilang upaya seperti yang disahkan oleh JKM, potongan tambahan sebanyak RM5,000 layak dituntut oleh pasangan masing-masing.

### **Contoh 15**

Azizi dan isterinya, Zahira bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2021. Kedua-duanya mempunyai punca pendapatan dan melakukan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31.12.2021 seperti berikut:

| <b>Punca Pendapatan</b>                 | <b>Azizi<br/>RM</b> | <b>Zahira<br/>RM</b>                        |
|-----------------------------------------|---------------------|---------------------------------------------|
| Penggajian                              | 150,000             | Tiada                                       |
| Perniagaan                              | Tiada               | Tiada<br>(kerugian<br>perniagaan<br>10,000) |
| Sewa (perbelanjaan melebihi pendapatan) | (5,000)             | Tiada                                       |

|                                                               |        |       |
|---------------------------------------------------------------|--------|-------|
| Pembelian peralatan sokongan asas untuk diri sendiri          | Tiada  | 800   |
| Perbelanjaan pemeriksaan penuh perubatan                      | 1,500  | 1,000 |
| Premium bagi polisi insurans dijamin atas nyawa sendiri       | 2,400  | 1,200 |
| Caruman KWSP                                                  | 12,000 | Tiada |
| Premium bagi polisi insurans pendidikan dan manfaat perubatan | 1,000  | 1,000 |

**Maklumat tambahan:**

Zahira terlibat dalam kemalangan jalan raya yang mengakibatkan sebelah kakinya dipotong. Beliau telah disahkan sebagai orang hilang upaya oleh JKM.

**Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai Azizi dan Zahira bagi TT 2021**

|                                          | <b>Azizi<br/>RM</b> | <b>Zahira<br/>RM</b>           |
|------------------------------------------|---------------------|--------------------------------|
| Pendapatan berkanun perniagaan           | Tiada               | Tiada (rugi perniagaan 10,000) |
| Pendapatan berkanun penggajian           | 150,000             |                                |
| Pendapatan berkanun sewa                 | <u>Tiada</u>        | <u>Tiada</u>                   |
| Pendapatan agregat/ Jumlah pendapatan    | 150,000             | Tiada                          |
| Tolak: Potongan yang dibenarkan          |                     |                                |
| Diri dan saudara tanggungan              | 9,000               |                                |
| Peralatan sokongan asas                  | 800 <sup>24</sup>   |                                |
| Perbelanjaan pemeriksaan penuh perubatan | 500 <sup>25</sup>   |                                |
| Isteri                                   | 4,000 <sup>26</sup> |                                |
| Isteri kurang upaya                      | 3,500 <sup>27</sup> |                                |
| Insurans nyawa dan KWSP:                 |                     |                                |
| Insurans nyawa - Azizi                   | 2,400               |                                |
| Insurans nyawa – Zahira                  | 1,200               |                                |

|                                       |                  |                           |                |              |
|---------------------------------------|------------------|---------------------------|----------------|--------------|
| KWSP – Azizi                          | <u>12,000</u>    |                           |                |              |
|                                       | 15,600<br>terhad | 7,000 <sup>28</sup>       |                |              |
| Insurans pendidikan dan perubatan     |                  | <u>2,000<sup>29</sup></u> | <u>26,800</u>  |              |
| Pendapatan yang boleh dikenakan cukai |                  |                           | <u>123,200</u> | <u>Tiada</u> |

**Catatan:**

<sup>24</sup>, <sup>25</sup>, <sup>28</sup> dan <sup>29</sup>Perbelanjaan yang dilakukan oleh Zahira dan premium insurans nyawa, pendidikan dan manfaat perubatan yang dibayar oleh Zahira dianggap dilakukan oleh Azizi kerana Zahira tiada jumlah pendapatan kerana perniagaan mengalami kerugian.

<sup>26</sup> dan <sup>27</sup>Walaupun Zahira tidak boleh ditaksir bersama dengan Azizi kerana ketiadaan jumlah pendapatan yang boleh diagregatkan dengan jumlah pendapatan suaminya, Azizi masih layak menuntut potongan bagi isteri sebanyak RM4,000 [subseksyen 47(5) ACP]. Potongan tambahan sebanyak RM5,000 juga layak dituntut oleh Azizi kerana Zahira disahkan sebagai orang kurang upaya oleh JKM.

**14. Kemaskini dan Pindaan**

| <p>KU ini menggantikan KU No.5/2018 bertarikh 13 September 2018.</p> | <p>Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perenggan</th><th>Penerangan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>3</td><td>Perenggan 3.2 dipinda</td></tr> <tr> <td>7</td><td>Perenggan 7.1 dipinda</td></tr> <tr> <td>8</td><td>                     i) Perenggan 8.2 dipinda<br/>                     ii) Perenggan 8.3.1 dipinda<br/>                     iii) Perenggan 8.3.3 (f), 8.3.3 (i) dan 8.3.3 (k) dipinda<br/>                     iv) Perenggan 8.3.4 dipinda<br/>                     v) Perenggan 8.4 dipinda<br/>                     vi) Perenggan 8.6 dipinda                 </td></tr> <tr> <td>8,9,10,11,12,13</td><td>Contoh-contoh dikemaskini kepada TT terkini.</td></tr> <tr> <td>10</td><td>Perenggan 10.3 ditambah</td></tr> <tr> <td>11</td><td>Perenggan 11(c) dipinda</td></tr> <tr> <td>12</td><td>Perenggan 12.5 dipinda</td></tr> <tr> <td>13</td><td>                     i) Perenggan 13.1 dipinda<br/>                     ii) Perenggan 13.5 dipinda                 </td></tr> </tbody> </table> | Perenggan | Penerangan | 3 | Perenggan 3.2 dipinda | 7 | Perenggan 7.1 dipinda | 8 | i) Perenggan 8.2 dipinda<br>ii) Perenggan 8.3.1 dipinda<br>iii) Perenggan 8.3.3 (f), 8.3.3 (i) dan 8.3.3 (k) dipinda<br>iv) Perenggan 8.3.4 dipinda<br>v) Perenggan 8.4 dipinda<br>vi) Perenggan 8.6 dipinda | 8,9,10,11,12,13 | Contoh-contoh dikemaskini kepada TT terkini. | 10 | Perenggan 10.3 ditambah | 11 | Perenggan 11(c) dipinda | 12 | Perenggan 12.5 dipinda | 13 | i) Perenggan 13.1 dipinda<br>ii) Perenggan 13.5 dipinda |
|----------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|------------|---|-----------------------|---|-----------------------|---|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|----------------------------------------------|----|-------------------------|----|-------------------------|----|------------------------|----|---------------------------------------------------------|
| Perenggan                                                            | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |           |            |   |                       |   |                       |   |                                                                                                                                                                                                              |                 |                                              |    |                         |    |                         |    |                        |    |                                                         |
| 3                                                                    | Perenggan 3.2 dipinda                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |           |            |   |                       |   |                       |   |                                                                                                                                                                                                              |                 |                                              |    |                         |    |                         |    |                        |    |                                                         |
| 7                                                                    | Perenggan 7.1 dipinda                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |           |            |   |                       |   |                       |   |                                                                                                                                                                                                              |                 |                                              |    |                         |    |                         |    |                        |    |                                                         |
| 8                                                                    | i) Perenggan 8.2 dipinda<br>ii) Perenggan 8.3.1 dipinda<br>iii) Perenggan 8.3.3 (f), 8.3.3 (i) dan 8.3.3 (k) dipinda<br>iv) Perenggan 8.3.4 dipinda<br>v) Perenggan 8.4 dipinda<br>vi) Perenggan 8.6 dipinda                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |           |            |   |                       |   |                       |   |                                                                                                                                                                                                              |                 |                                              |    |                         |    |                         |    |                        |    |                                                         |
| 8,9,10,11,12,13                                                      | Contoh-contoh dikemaskini kepada TT terkini.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |           |            |   |                       |   |                       |   |                                                                                                                                                                                                              |                 |                                              |    |                         |    |                         |    |                        |    |                                                         |
| 10                                                                   | Perenggan 10.3 ditambah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |           |            |   |                       |   |                       |   |                                                                                                                                                                                                              |                 |                                              |    |                         |    |                         |    |                        |    |                                                         |
| 11                                                                   | Perenggan 11(c) dipinda                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |           |            |   |                       |   |                       |   |                                                                                                                                                                                                              |                 |                                              |    |                         |    |                         |    |                        |    |                                                         |
| 12                                                                   | Perenggan 12.5 dipinda                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |           |            |   |                       |   |                       |   |                                                                                                                                                                                                              |                 |                                              |    |                         |    |                         |    |                        |    |                                                         |
| 13                                                                   | i) Perenggan 13.1 dipinda<br>ii) Perenggan 13.5 dipinda                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |           |            |   |                       |   |                       |   |                                                                                                                                                                                                              |                 |                                              |    |                         |    |                         |    |                        |    |                                                         |



**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN  
BAHAGIAN II - PENGIRAAN JUMLAH  
PENDAPATAN DAN PENDAPATAN YANG  
BOLEH DIKENAKAN CUKAI**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2022  
Tarikh Penerbitan: 09 Disember 2022**

|  |    |               |
|--|----|---------------|
|  |    |               |
|  | 15 | Tajuk dipinda |

**15. Penafian**

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**